



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 62**

**12hb Februari 2009**

**No. 4**

---

---

ORDINAN KUMPULAN WANG PERUSAHAAN GETAH  
(PENANAMAN SEMULA) 1952

RUBBER INDUSTRY (REPLANTING)  
FUND ORDINANCE 1952

**No. 150.**

(Bilangan 8 Tahun 1952)

(No. 8 of 1952)

PERATURAN-PERATURAN PIHAK BERKUASA KEMAJUAN  
PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH  
(SKIM NO. 6) 1981

RUBBER INDUSTRY SMALLHOLDERS DEVELOPMENT AUTHORITY  
(SCHEME NO. 6) REGULATIONS 1981

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Peraturan 8 Peraturan-Peraturan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Skim No. 6) 1981 [*P.U.(B) 430/81*], saya Zainal bin Abd. Rahim, Pengarah Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah Negeri dengan ini memberi notis bahawa "Daftar Permohonan-Permohonan Untuk Bantuan-Bantuan Tanam Semula Kebun-Kebun Kecil Getah" bagi tahun 2009 akan dibuka mulai dari 1 Januari 2009 dan ditutup pada 31 Disember 2009.

2. Tiap-tiap permohonan hendaklah dibuat dalam borang-borang yang boleh didapati daripada mana-mana seperti berikut:

(i) Pejabat RISDA Negeri di Ipoh;

- (ii) Pejabat RISDA Daerah di Sitiawan, Taiping, Tapah, Gerik, Kuala Kangsar dan Seri Iskandar;
  - (iii) Pejabat RISDA Stesen di Sitiawan, Air Tawar, Beruas, Taiping (Larut Matang), Selama, Ijok, Batu Kurau, Tapah (Batang Padang (U)), Bidor, Slim River, Langkap, Lenggong, Gerik(U), Gerik(S), Pengkalan Hulu, Kuala Kangsar, Sungai Siput, Manong, Parit, Kinta, Bota dan Kg. Gajah;
  - (iv) Kakitangan Luar Pihak Berkuasa Kemajuan Kecil Perusahaan Getah (RISDA);
  - (v) Laman Web RISDA dan Portal myGovernment melalui internet.
3. Mana-mana permohonan yang tidak dibuat dalam borang yang ditetapkan atau tidak diterima dalam tempoh yang ditetapkan atau tidak dibuat berkenaan dengan sesuatu kebun kecil yang didaftarkan di bawah perenggan 7 peraturan-peraturan itu akan dianggap sebagai permohonan-permohonan yang tidak dilayani.

Bertarikh 7 Januari 2009  
[A.0/9960-07(Klt.2); PU.Pk.67/71-15B]

ZAINAL BIN ABD. RAHIM  
*Pengarah RISDA Negeri  
Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by paragraph 8 of the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Scheme No. 6) Regulations 1981 [*P.U(B) 430/81*], I, Zainal bin Abd. Rahim, Director of the State of Rubber Industry Smallholders Development Authority hereby give notice that the "Register of Applications For Grants For The Replanting of Rubber Smallholdings" for the year 2009 shall be open from 1 January 2009 and shall be closed on 31 December 2009.

2. Every application shall be made in such form obtainable from any of the following:

- (i) State RISDA Office at Ipoh;
- (ii) District RISDA Offices at Sitiawan, Taiping, Tapah, Gerik, Kuala Kangsar and Seri Iskandar;
- (iii) Station RISDA Offices at Sitiawan, Air Tawar, Beruas, Taiping (Larut Matang), Selama, Ijok, Batu Kurau, Tapah (Batang Padang (U)), Bidor, Slim River, Langkap, Lenggong, Gerik(N), Gerik(S), Pengkalan Hulu, Kuala Kangsar, Sungai Siput, Manong, Parit, Kinta, Bota and Kg. Gajah;
- (iv) Field Staff of Rubber Industry Smallholders Development Authority (RISDA);
- (v) RISDA Website and Portal myGovernment through the internet.

3. Any Application which is not made in the prescribed application forms or is not received within the prescribed period or is not made in respect of a smallholding registered under paragraph 7 of the regulations, may be considered as an inadmissible application.

Dated 7 January 2009

[A.0/9960-07(Klt.2); PU.Pk.67/71-15B]

ZAINAL BIN ABD. RAHIM  
*Director of the State RISDA  
Perak Darul Ridzuan*

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976  
(Akta 171)

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
(Act 171)

**No. 151.**

MAJLIS BANDARAYA IPOH

Menurut kehendak seksyen 56 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Peruntukan Tambahan Tahun 2008 bagi Majlis Bandaraya Ipoh telah diluluskan pada 23 September 2008 dan Majlis Mesyuarat Kerajaan di dalam perjumpaannya pada 28 November 2008 telah mengesahkan:

Kod	Butiran	Amaun Tambahan (RM)
262020	Minyak Diesel	640,000.00
282080	Penyelenggaraan Semak-samun	240,000.00
282100	Penyelenggaraan Kemudahan Riadah & Taman	1,650,000.00
291010	Perkhidmatan Perubatan	320,000.00
291990	Perkhidmatan Yang Lain	2,000,000.00
331990	Kemudahan-kemudahan Lain	2,300,000.00
	Jumlah	7,150,000.00

Bertarikh 31 Disember 2008

[MBI.B3/3/2/06]

HAJI ROSHIDI BIN HAJI HASHIM  
*Datuk Bandar Ipoh*

**No. 152.**

## MAJLIS PERBANDARAN MANJUNG

Berhubung pemberitahuan *Warta* No. 288 yang disiarkan pada 28 Februari 2008 dalam *Warta* Kerajaan Negeri Perak adalah diperbuat tambahan peruntukan seperti berikut:

Objek Sebagai	Objek Lanjut	Butiran	Amaun (RM)
529000	529990	Pelbagai termasuk Premium Insurans	321,000.00

Bertarikh 12 Januari 2009  
[MPM A/7/2 Jld.3]

ZAMRI BIN MAN  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Manjung*

**No. 153.**

## MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

Sepertimana yang dikehendaki di bawah seksyen 55(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang dipakai oleh Majlis Perbandaran Kuala Kangsar dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri Perak Darul Ridzuan menurut Majlis Mesyuarat Kerajaan bil. 1566 di dalam perjumpaan bertarikh 28 November 2008 meluluskan Permohonan Peruntukan Tambahan Tahun 2008 seperti berikut:

Tahun	Objek Sebagai	Objek Lanjut	Butiran	Anggaran Belanjawan	Tambahan Peruntukan
2008	282000	282010	Kemudahan Jalanraya	4,901,421.35	1,966,422.00
	244000	244020	Sewa Jentera Pertanian	15,000.00	177,000.00

Bertarikh 15 Januari 2009  
[MPKK 2/551/1]

DATO' HAJI MOHD. SHAFIE B. ARIFIN  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Perbandaran Kuala Kangsar*

**No. 154.**

## MAJLIS DAERAH KINTA SELATAN

Sepertimana yang dikehendaki di bawah seksyen 55(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (*Akta 171*) yang dipakai oleh Majlis Daerah Kinta Selatan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri Perak Darul Ridzuan menurut Majlis Mesyuarat Kerajaan bil. 1566 di dalam perjumpaan bertarikh 28 November 2008 meluluskan Permohonan Peruntukan Tambahan Tahun 2008 seperti berikut:

Tahun	Objek Sebagai	Objek Lanjut	Butiran	Anggaran Belanjawan	Tambahan Peruntukan
2008	110000	111010	Gaji Biasa Kakitangan	2,944,112.25	250,000.00
2008	130000	131020	Kumpulan Wang Amanah Pencen	355,141.63	200,000.00
Jumlah					450,000.00

Bertarikh 8 Januari 2009  
[MDKS.KJLD31/93]

AHMAD KAMARUZZAMAN BIN HAMZAH  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Daerah Kinta Selatan*  
*Kampar*

**No. 155.**

(Seksyen 127)

KADAR TAHUNAN  
MAJLIS DAERAH GERIK

(Section 127)

ANNUAL RATES  
GERIK DISTRICT COUNCIL

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 127 dan dibaca bersama seksyen 163 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*], Majlis Daerah Gerik dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri mengenakan bagi tahun 2009 kadar tahunan yang dinyatakan dalam Jadual ke atas semua pegangan, dan bangunan yang baginya seksyen 163 terpakai, di kawasan Majlis Daerah Gerik yang dinyatakan dalam Jadual, berkuatkuasa pada 1 Januari 2009.

JADUAL

Kawasan	Kadar
Bagi seluruh kawasan Majlis Daerah Gerik	(a) 6.5 peratus dari Nilai Tahunan Pegangan - untuk bangunan (termasuk bangunan Kerajaan Negeri dan Persekutuan)
	(b) 4.5 peratus dari Nilai Tahunan Pegangan - untuk tanah kosong
	(c) 7.5 peratus dari Nilai Tahunan Pegangan - untuk harta khas

Bertarikh 12 Januari 2009  
[M.D.Gk.(PN)97/82. Pt.2; PU.Pk. 58/81]

ABDUL KARIM BIN OSMAN  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Daerah Gerik*

In exercise of the powers conferred by section 127 and read together with section 163 of the Local Government Act 1976 [*Act 171*], Gerik District Council with the approval of the State Authority imposes for the year 2009 the annual rates specified in the Schedule upon all holdings, and buildings to which section 163 applies, within the area of the Gerik District Council as specified in the Schedule, with effect from 1 January 2009.

## SCHEDULE

Area	Rates
The whole area of Gerik District Council	(a) 6.5 percent of the annual value of holdings - for buildings (including State and Federal Government buildings)  (b) 4.5 percent of the annual value of holdings - for vacant lands  (c) 7.5 percent of the annual value of holdings - for reserve assets (harta khas)

Dated 12 January 2009  
[M.D.Gk.(PN)97/82. Pt.2; PU.Pk. 58/81]

ABDUL KARIM BIN OSMAN  
*President*  
*Gerik District Council*

**No. 156.**

KADAR TAHUNAN MAJLIS DAERAH KINTA BARAT  
ANUAL RATES KINTA BARAT DISTRICT COUNCIL

Majlis Daerah Kinta Barat, Batu Gajah pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan di bawah seksyen 127 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Kinta Barat, Batu Gajah dengan kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengenakan bagi tahun 2009 kadar-kadar yang berikut ke atas semua bangunan-bangunan yang terdapat dalam kawasan Majlis Daerah Kinta Barat, Batu Gajah dan bangunan-bangunan yang terletak di atas tanah Kerajaan Negeri atau di atas tanah Kerajaan Negeri atau di atas tanah dirizabkan untuk suatu maksud awam yang juga di dalam kawasan Majlis Daerah Kinta Barat, Batu Gajah dan tidak diduduki oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

In exercise of the power conferred by section 127 of the Local Government Act 1976, the Kinta Barat District Council with the approval of the State Authority, hereby impose for the year 2000 the following rates upon all building situable within the Kinta Barat District Council and all buildings situable on State land reserve for Public purpose within the Kinta Barat District Council and not occupied by Federal Government or the State Government.

## MAJLIS DAERAH KINTA BARAT, BATU GAJAH

(1) Kawasan/Area	(2) Kadar Tanah Kosong/ Rates for Vacant Land %	(3) Kadar dan Bangunan/ Rates on land and Buildings %
Batu Gajah	5.5	13
Tanjong Tualang	5.5	9
Pusing	5.5	10
Tronoh	5.5	10.5
Sungai Durian	5.5	5.5
Papan	5.5	5.5
Siputeh	5.5	10.5
Semua Rancangan Perkampongan Tersusun Perumahan Awam dan Kg. Baru	5.5	8.5
Perkampungan Tradisional Seluruh Kawasan MDKB	5.5	5.5
Kawasan Perindustrian Batu 5, Jalan Gopeng, Batu Gajah	5.5	10
Kawasan Perindustrian Pengkalan 2, Pusing	5.5	8.5
Kawasan Perindustrian Perabut, Pusing	5.5	8.5
Kawasan Perindustrian Tungxen, Kg. Kepayang	5.5	13
Jalan Pusing — Lahat dan Medan Lahat Baru	5.5	10.5
Jalan Simpang Pulai — Lahat	5.5	13
Mukim Sungai Raia	5.5	13
Kelab-Kelab Golf	5.5	10

Bertarikh 31 Januari 2009  
[MDKB. BG(T) 17/93 Jld.2]

DATO' RAZALI BIN OTHMAN  
*Yang Dipertua*  
*Majlis Daerah Kinta Barat*  
*Batu Gajah*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 157.**

(Subseksyen 62(1))

PERIZABAN-PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

(Subsection 62(1))

RESERVATIONS OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [Akta 56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Taman Pengkalan Jaya, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak

untuk Sekolah Agama Rakyat Al-Husna dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

## JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. No. Pelan—P.A. 87630. No. Lot—325179. Luas—8,520 meter persegi.

Bertarikh 30 Januari 2008  
[PTG.Pk.239/7-243(C); PTK(I) No. 13/26/93;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld.10]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Taman Pengkalan Jaya, Mukim of Hulu Kinta, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Sekolah Agama Rakyat Al-Husna and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

## SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Hulu Kinta. Plan No.—P.A. 87630. No. Lot—325179. Area—8,520 square metres.

Dated 30 January 2008  
[PTG.Pk.239/7-243(C); PTK(I) No. 13/26/93;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld.10]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 158.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Salak Baru, Mukim Kota Lama Kanan, Daerah Kuala Kangsar yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak Sekolah Agama Rakyat dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.



## JADUAL

Daerah—Kuala Kangsar. Mukim—Kota Lama Kanan. No. Pelan—P.A. 97230 & 90856. No. Lot—5787 & 5182. Luas—1949 meter persegi & 3028 meter persegi.

Bertarikh 5 Januari 2009  
[PTG.Pk.241/5-9(C); PTSS 1/3/26-97;  
PU.Pk. 67-71-54 Jld.14]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Wilayah Salak Baru, Mukim of Kota Lama Kanan, District of Kuala Kangsar described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for a Sekolah Agama Rakyat and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak.

## SCHEDULE

District—Kuala Kangsar. Mukim—Kota Lama Kanan. Plan No.—P.A. 97230 & P.A. 90856. Lot No.—5787 & 5182. Area—1949 square metres & 3028 square metres.

Dated 5 January 2009  
[PTG.Pk.241/5-9(C); PTSS 1/3/26-97;  
PU.Pk. 67-71-54 Jld.14]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 159.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Wilayah Taman Desa Indah, Mukim Parit Buntar, Daerah Kerian yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Sistem dan Perkhidmatan Pembedung dan menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedung.

## JADUAL

Daerah—Kerian. Mukim—Parit Buntar. No. Pelan—P.A. 88340. No. Lot—11404. Luas—707 meter persegi.

Bertarikh 9 Disember 2008  
[PTG.Pk.513/6-36(C); PT(D) No. 2:10/2005;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld.14]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Territory of Taman Desa Indah, Mukim of Parit Buntar, District of Kerian described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Sewerage System and Services and has designated that the Federal Lands Commissioner shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Sewerage Services Department.

## SCHEDULE

District—Kerian. Mukim—Parit Buntar. Plan No.—P.A. 88340. Lot No.—11404. Area—707 square metres.

Dated 9 December 2008  
[PTG.Pk.513/6-36(C); PT(D) No. 2:10/2005;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld.14]

HAJI ABDULLAH BIN ANTONG SABRI  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 160.**

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
SURAT HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN YANG  
BAHARU SEBAGAI GANTINYA)

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik yang dikeluarkan diakui hilang oleh Mohd Damanhuri bin Deli (No. K.P.: 571204-08-6125) yang beralamat di Kampung Ulu Kayan, Lekir, 32030 Sitiawan, Perak.

## JADUAL

Mukim—Lekir. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 526. No. Lot—1696. Luas—1.615 hektar. Nama tuan tanah—Mohd Damanhuri bin Deli 1/1 bhg.

Bertarikh 13 Januari 2009  
[P.T.Mjg.DD 11/2/12-2008]

NORDIN BIN MAT  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Manjung*

**No. 161.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik yang dikeluarkan diakui hilang oleh Diong Kong Ee (No. K.P.: 511031-08-5145) yang beralamat di No. 318, Kg. Raja Hitam, 32400 Ayer Tawar, Perak.

## JADUAL

Mukim—Sitiawan. Jenis dan No. Hakmilik—P.M. 1695. No. Lot—317. Luas—307.3077 meter persegi. Nama tuan tanah—Diong Kong Ee 1/1 bhg.

Bertarikh 13 Januari 2009  
[P.T.Mjg.DD 11/5/26-2008]

NORDIN BIN MAT  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Manjung*

**No. 162.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik yang dikeluarkan diakui hilang oleh Daniyel bin Nokman (No. K.P.: 471030-08-5131) yang beralamat di Batu 19, 32400 Ayer Tawar, Perak.

## JADUAL

Mukim—Sitiawan. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2493. No. Lot—29329. Luas—1.42 hektar. Nama tuan tanah—Daniyel bin Nokman 1/1 bhg.

Bertarikh 13 Januari 2009  
[P.T.Mjg.DD 11/5/28-2008]

NORDIN BIN MAT  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Manjung*

**No. 163**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik yang dikeluarkan diakui hilang oleh Norzi binti Shaari, di alamat No. 1335, Taman Samudera, 32040 Seri Manjung, Perak Darul Ridzuan.

## JADUAL

Mukim—Lambor Kanan. Daerah—Perak Tengah. No. Lot—323. Luas—0.5787 hektar. Jenis dan Hakmilik—G.M. 1125. Tuan punya berdaftar—Habsah c/o Ngah Mat Tasir (PM) 1/5 bhg., Jariah binti Mohamed Jamin (PM) 1/30 bhg., Jariah binti Mohamed Jamin (PM) 5/30 bhg., Rohana binti Hanif (PM) 1/10 bhg., Ahmad bin Ibrahim (PM) 1/10 bhg., Omar bin Mat Ibrahim (PM) 1/10 bhg., Rohana binti Hanif (PM) 1/10 bhg. dan Norzi binti Shaari (PM) 1/5 bhg.

Bertarikh 9 Januari 2009  
[PTSI/11-01/2009]

HJ. ZAINUDDIN BIN SAID  
*b.p. Pentadbir Tanah Daerah  
Perak Tengah  
Seri Iskandar*

**No. 164.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik telah diakui hilang oleh Maimunah binti Alimun, beralamat di Batu 14<sup>1/2</sup>, Kg. Telok Bakong, 32900 Lambor Kanan, Perak Darul Ridzuan.

## JADUAL

Mukim—Bota. Daerah—Perak Tengah. No. Lot—14287. Luas—0.4354 hektar. Jenis dan Hakmilik—P.M. 1153. Tuan punya berdaftar—Maimunah binti Alimun (PM) 1/1 bhg.

Bertarikh 13 Januari 2009  
[PTSI/11-04/09]

HJ ZAINUDIN BIN SAID  
*b.p. Pentadbir Tanah  
Perak Tengah  
Seri Iskandar*

**No. 165.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Mukim—Batang Padang. No. Lot—8232. Jenis dan Hakmilik—P.N. 70496.  
Luas—143 meter persegi.

Bertarikh 14 Januari 2009  
[PTG.Pk. 3/1-226(A)]

HAJI MIOR MUHAMMAD JAMIL BIN MIOR ZAKARIA  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Perak*

**No. 166.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Mukim—Durian Sebatang. No. Lot—16908. Jenis dan Hakmilik—P.N. 104267.  
Luas—72 meter persegi.

Bertarikh 14 Januari 2009  
[PTG.Pk. 3/4-348(A)]

HAJI MIOR MUHAMMAD JAMIL BIN MIOR ZAKARIA  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Perak*

**No. 167.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—28377. Jenis dan Hakmilik—G.R.N. 46174.  
Luas—1.7073 hektar.

Bertarikh 14 Januari 2009  
[PTG.Pk. 3/6-1677(A)]

HAJI MIOR MUHAMMAD JAMIL BIN MIOR ZAKARIA  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Perak*

**No. 168.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—341448. Jenis dan Hakmilik—G.R.N. 104028.  
Luas—130 meter persegi.

Bertarikh 14 Januari 2009  
[PTG.Pk. 3/6-1678(A)]

HAJI MIOR MUHAMMAD JAMIL BIN MIOR ZAKARIA  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Perak*

**No. 169.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Bandar—Ipoh(S). No. Lot—10691S. Jenis dan Hakmilik—P.N. 93878. Luas—392 meter persegi.

Bertarikh 14 Januari 2009  
[PTG.Pk. 3/6-1679(A)]

HAJI MIOR MUHAMMAD JAMIL BIN MIOR ZAKARIA  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Perak*

**No. 170.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Bandar—Ipoh(S). No. Lot—208S. Jenis dan Hakmilik—G.R.N. 4293. Luas—167.6845 meter persegi.

Bertarikh 14 Januari 2009  
[PTG.Pk. 3/6-1680(A)]

HAJI MIOR MUHAMMAD JAMIL BIN MIOR ZAKARIA  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Perak*

**No. 171.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—175013. Jenis dan Hakmilik—P.N. 271671.  
Luas—145 meter persegi.

Bertarikh 14 Januari 2009  
[PTG.Pk. 3/6-1683(A)]

Haji Mior Muhammad Jamil Bin Mior Zakaria  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Perak*

**No. 172.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—330716. Jenis dan Hakmilik—G.R.N. 86113.  
Luas—160 meter persegi.

Bertarikh 14 Januari 2009  
[PTG.Pk. 3/6-1684(A)]

Haji Mior Muhammad Jamil Bin Mior Zakaria  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Perak*



**No. 173.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Mukim—Kampar. No. Lot—124360. Jenis dan Hakmilik—P.N. 125540. Luas—77 meter persegi.

Bertarikh 14 Januari 2009  
[PTG.Pk. 3/8-938(A)]

HAJI MIOR MUHAMMAD JAMIL BIN MIOR ZAKARIA  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Perak*

**No. 174.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Bandar—Kampar. No. Lot—965. Jenis dan Hakmilik—G.R.N. 6274. Luas—620.2933 meter persegi.

Bertarikh 14 Januari 2009  
[PTG.Pk. 3/8-939(A)]

HAJI MIOR MUHAMMAD JAMIL BIN MIOR ZAKARIA  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Perak*

**No. 175.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Mukim—Parit Buntar. No. Lot—3230. Jenis dan Hakmilik—G.R.N. 17068. Luas—404.7653 meter persegi.

Bertarikh 14 Januari 2009  
[PTG.Pk. 3/9-223(A)]

Haji Mior Muhammad Jamil Bin Mior Zakaria  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Perak*

**No. 176.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Mukim—Sungai Siput. No. Lot—18418. Jenis dan Hakmilik—P.N. 238570. Luas—132 meter persegi.

Bertarikh 14 Januari 2009  
[PTG.Pk. 3/10-234(A)]

Haji Mior Muhammad Jamil Bin Mior Zakaria  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Perak*

**No. 177.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Bandar—Kuala Kangsar. No. Hakmilik—G.R.N. 36157 dan G.R.N.—49537.  
No. Lot—72 dan 71. Luas—128.0162 meter persegi dan 129.4097 meter persegi.

Bertarikh 14 Januari 2009  
[PTG.Pk. 3/10-235(A)]

HAJI MIOR MUHAMMAD JAMIL BIN MIOR ZAKARIA  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Perak*

**No. 178.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan/menggantikan suratan hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Permohonan dibuat kerana daftar hakmilik keluaran seperti Jadual di bawah telah diakui hilang.

## JADUAL

Mukim—Hulu Kinta. No. Lot—224765. Jenis dan Hakmilik—P.N. 170426.  
Luas—130 meter persegi.

Bertarikh 15 Januari 2009  
[PTG.Pk. 3/6-1618(A)]

HAJI MIOR MUHAMMAD JAMIL BIN MIOR ZAKARIA  
*Pendaftar Hakmilik*  
*Perak*

**No. 179.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik yang dikeluarkan telah diakui hilang.

## JADUAL

Mukim	No. Geran	No. Lot/P.T.	Luas METER PERSEGI	Nama-nama Tuan Tanah	No. Fail PTLM
Asam Kumbang	H.S.M. 3683	P.T. 4973	409.689	Khirul Bahri bin Md Nor	260/143/2008/01
Simpang	G.M. 669	936	0.7461	Esah binti Mahmud 1/1 bhg.	260/144/2008/07
Tupai	H.S.M. 37/77	3155	148.64	Lee Mo Hock 1/1 bhg.	260/145/2008/12
Batu Kurau	G.M. 6592	1726	0.9814	Bidah binti Husin 1/4 bhg., Long Mah binti Haya 3/8 bhg. dan Selamah binti Yahya 3/8 bhg.	260/147/2008/02
Sg. Tinggi	2022	5330	1.646	Osman bin Dahalan 1/1 bhg.	260/02/2009/09
Asam Kumbang	1758	908	733.4916	Jekindar Kaur a/p Tara Singh 1/1 bhg.	260/04/2009/01
Bt. Kurau	3303	934	2.466	Ahmad bin Yusop 78/1024 bhg., Ahmad Daud bin Lop 1/60 bhg., Ahmad Nazri bin Lop 1/60 bhg., Azizah binti Che Lah 14/1024 bhg., Azman bin Lop 1/60 bhg., Habsah binti Nasir 1157/8192 bhg., Yaacob bin Abdullah 1/8 bhg., Idris bin Lop 1/60 bhg., Ismail bin Leng 1/12 dan Kamaliah binti Mohd Isa 91/8192 bhg.	260/146/2008/02
Bt. Kurau	460	1474	2.4382	Ahmad Lokman bin Abdul Hadi 569/2016 bhg., Bedah binti Ibrahim 439/2016 bhg. dan Bahari bin Ishak & Mat Zain bin Ishak as Rep. 1/2 bhg.	260/06/2009/02
Terong	142	387	0.4679	Halijah binti Jaafar 1/12 bhg. dan Yah binti Dollah 5/6 bhg.	260/01/2009/10
Jebong	969	459	1.5934	Bainah binti Mohamed Idris 1/3 bhg., Habayah binti Mohamed Idris 1/3 bhg. dan Rabitah binti Mohamed Idris 1/3 bhg.	260/03/2009/04
Sg. Tinggi	H.S.M. 1427	1215	1.214	Kamarudin bin Hj. Sulaiman 1/1 bhg.	260/05/2009/09

**No. 180.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik diakui hilang oleh pemilik.

## JADUAL

Mukim—Kampar. No. Lot—20224. Jenis dan Hakmilik—G.M. 1342. Luas—1.7705 hektar (4 ekar 1 rod 20 pol). Nama tuan punya tanah—Adnan bin Suji 1/4 bhg., Hasmah binti Jaafar 1/4 bhg., Yahya bin Haji Salleh 1/2 bhg. yang beralamat No. 34, Kg. Jawa Jeram, 31850 Kampar, Perak Darul Ridzuan.

Bertarikh 19 Januari 2009  
[PTG&K(D) 13/4-23]

LAILY SUHANA BINTI RAMLI  
*Pentadbir Tanah Daerah  
Kampar*

**No. 181.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik pendua/menggantikan surat hakmilik yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Hakmilik diakui hilang oleh pemilik.

## JADUAL

Mukim—Sg. Terap. No. P.T.—4490. Jenis dan Hakmilik—H.S.M. 3218. Luas—446 meter persegi. Nama tuan punya tanah—Abdul Samat bin Mohd Arshad (230/3, Jalan Pusing, 31000 Batu Gajah).

Bertarikh 22 Januari 2009  
[KD. 13/2-313]

HAJI SABUDDIN BIN UTHMAWI  
*Pentadbir Tanah Daerah  
Kinta*

**No. 182.**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 168, Kanun Tanah Negara, notis adalah dengan ini diberitahu bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan surat hakmilik sambungan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Suratan hakmilik telah hilang.

## JADUAL

Mukim	No. Hakmilik	No. Lot/P.T.	Luas HEKTAR	Nama-nama Tuan Tanah	No. Fail PTKG
Pulau Tiga	3367	3771	0.7259	Keepin bin Musa 7/288 bhg., Baayah binti Mat Nasir 28/288 bhg., Baayah binti Mat Nasir 7/192 bhg., Aminah binti Mat Nasir 28/288 bhg., Jamaiah binti Md Teha 17/144 bhg., Halimah binti Mohd Taha 17/144 bhg., Ariffin bin Mat Taha 17/144 bhg., Khairuddin bin Muhamad Taha 17/144 bhg., Sulaiman bin Mat Taha 17/144 bhg. dan Baitulmal Ng. Perak 7/192 bhg.	S2/64/08
